

08/01/2003

Litar Sepang pasti terus bergema deruman enjin

Zairee Zahir

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah meletakkan asas yang kukuh diiringi usaha keras daripada pelbagai pihak untuk meletakkan nama Malaysia dalam sukan permotoran melalui pembinaan Litar F1 Sepang dan sokongan penuh supaya litar berkenaan menjadi tuan rumah dan pusat pelbagai cabang sukan permotoran di masa depan.

Melalui Kementerian Belia dan Sukan pula, sukan permotoran diberi keutamaan supaya perkembangannya menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi hinggalah kini kita boleh melihat ramai atlit muda dalam sukan permotoran terutama go-kart muncul.

Penganjuran sukan khususnya sukan permotoran kerap dianjurkan sejak akhir-akhir ini. Jadi usaha seperti ini harus dipergiatkan lagi supaya kerancangan bidang sukan permotoran kita ada kesinambungannya.

Nama Malaysia sudah diakui sebagai pusat sukan permotoran kedua di Asia selepas Jepun dan kita seharusnya menyambung serta meneruskan kecemerlangan ini supaya ia terus bersemarak lagi.

Tidak harus ada sebab mengapa kita perlu 'menekan brek' atau 'berpatah balik' ke belakang hanya disebabkan kerana PM sudah berundur. Kita harus ingat Dr Mahathir mempunyai wawasannya untuk negara ini dan ia merangkumi tempoh yang panjang, bukan setakat ketika tempoh pentadbirannya saja.

Begitu juga dengan sukan permotoran. Pembinaan Litar Sepang dan sokongan kerajaan dan Dr Mahathir sendiri kini sudah meletakkan nama Malaysia di peta sukan permotoran dunia. Penganjuran Formula Satu adalah kemuncak kejayaan itu dan seharusnya ia diteruskan pada masa akan datang, tidak kira siapa PM ketika itu.

Bukan senang untuk meletakkan nama Malaysia sebagai penganjur Formula 1 atau tuan rumah Grand Prix Motosikal FIM Sedunia kerana jumlah negara yang diberi penghormatan itu boleh dibilang dengan jari. Malaysia adalah antara negara bertuah dalam senarai elit itu.

Jelas kedatangan F1 ke Malaysia sejak empat tahun lalu menjadi pemangkin kepada perkembangan pesat bidang automotif itu sendiri. Kita harus mengakui ada banyak faedah yang melimpah hasil pembabitan negara secara besar-besaran dalam sukan ini.

Secara peribadi, saya tidak nampak sukan permotoran akan menjadi perlahan. Memang kita terasa sedikit kesannya kerana pengunduran Dr Mahathir atau kerana kita tiada lagi wakil dalam sukan F1 (Alex Yoong) dan motosikal (Shahrol Yuzy Ahmad Zaini), tetapi itu bukan alasan konkrit untuk mengatakan kerencakannya akan menjadi malap.

Selepas mempelajari dan menguasai pelbagai aspek yang ada dalam bidang sukan permotoran, kita kini mempunyai ramai pakar dan individu yang berkemampuan untuk terus membangunkannya dan saya percaya apabila ia diterima dan menjadi satu industri, Malaysia akan terus menjadi perintis dan contoh kepada negara lain yang mempunyai minat sama.

Peranan pelbagai pihak terutama syarikat penaja swasta, pengeluar kereta dan motosikal tempatan seperti Proton dan Modenas serta ibu bapa juga penting untuk mengukuhkan batu asas yang sudah diletakkan oleh Dr Mahathir.

Bagi SIC, kami juga sudah menyusun pelbagai program untuk terus menyemarakkan sukan permotoran negara ini terutama di kawasan persekitaran Litar Sepang yang mempunyai litar untuk go-kart, motocross, off-road dan 4x4. Perlumbaan utama tempatan dan Asia seperti Malaysian Super Series (MSS), Formula Malaysia, Asian Festival of Speed (AFOS) dan GT Jepun akan

diteruskan di litar ini.

SIC kini di dalam perancangan untuk membina laluan bagi rali untuk mempopularkan sukan itu serta membina deretan bengkel supaya ia menjadi tumpuan dan pusat bagi pakar pelbagai bidang sukan permotoran berkumpul dan menjalankan penyelidikan serta ujian.

Tetapi segala usaha ini tidak akan memberi sebarang makna sekiranya tiada kesedaran orang ramai.

Kerana itulah SIC berusaha meningkatkan kesedaran dan melakukan pelbagai promosi supaya masyarakat awam dapat melihat sukan permotoran itu satu